



Kerajaan Malaysia

**PELAN TINDAKAN
KEBANGSAAN
ANTIPEMERDAGANGAN ORANG
(2010 - 2015)**

Majlis Antipemerdagangan Orang



**SEKAPUR SIREH
MENTERI DALAM NEGERI**

Syukur ke hadrat Illahi, pelancaran Pelan Tindakan Kebangsaan Antipemerdagangan Orang ini secara langsungnya menggambarkan komitmen dan aspirasi Malaysia dalam membanteras jenayah pemerdagangan orang. Pemerdagangan orang merupakan satu jenayah yang melibatkan pencabulan hak asasi manusia dan boleh dilihat sebagai perhambaan zaman moden. Pelan Tindakan Kebangsaan ini diwujudkan bagi melengkapikan Akta Antipemerdagangan Orang 2007 (Akta 670) dalam memastikan pelaksanaan inisiatif nasional berjalan dengan lancar dan efektif untuk tempoh lima tahun akan datang (2010 -2015). Saya menyambut baik dan menyokong penuh pelan tindakan ini kerana masalah jenayah pemerdagangan orang telah menjadi semakin rumit dan mencabar.

Pemerdagangan orang merupakan jenayah yang sangat kompleks dan kebanyakannya melibatkan sindiket-sindiket yang beroperasi secara tersusun dalam rangkaian yang sangat luas. Justeru itu, pendekatan yang komprehensif dan tersusun amatlah penting dalam mengekang jenayah yang tidak berperikemanusiaan ini. Selain itu, kerjasama dan hubungan yang erat di peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa amat diperlukan dalam memastikan jenayah ini dapat dibendung.

Saya amat yakin bahawa prinsip-prinsip panduan, matlamat strategik dan bidang-bidang program yang telah ditetapkan dalam Pelan Tindakan Kebangsaan akan menjadi nadi penggerak kepada negara dalam menjayakan misi Malaysia untuk membanteras jenayah yang hina ini.

A handwritten signature in black ink, consisting of several loops and flourishes, positioned above the printed name.

Y.B. DATO' SERTHISHAMUDDIN BIN TUN HUSSEIN
Menteri Dalam Negeri Malaysia



SEULAS PINANG
PENGERUSI MAJLIS ANTIPEMERDAGANGAN ORANG

Pelan Tindakan Nasional Antipemerdagangan Orang merupakan satu dokumen awam yang menggariskan usaha dan komitmen negara dalam memerangi isu pemerdagangan orang selaras dengan konsep gagasan 1Malaysia. Pelan Tindakan ini bertindak sebagai garis panduan dalam usaha mengatasi masalah pemerdagangan orang serta melengkapinya Akta Antipemerdagangan Orang 2007 yang sedia ada.

Selaku Pengerusi Majlis Antipemerdagangan Orang, saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Ahli Majlis dan kesemua Jawatankuasa yang bertanggungjawab merangka pelan ini kerana telah bekerja keras dan komited dalam menyumbang idea dan kepakaran yang berharga untuk menghasilkan Pelan Tindakan ini. Persediaan untuk merealisasikan Pelan Tindakan ini melibatkan usaha dan kerjasama dari banyak pihak. Saya amat yakin bahawa Pelan Tindakan ini akan memberi banyak faedah khususnya kepada Majlis agar ianya lebih fokus dan komited bagi memenuhi peranan dan tanggungjawab dalam usaha membanteras jenayah ini.

Akhir sekali, saya ingin menyatakan bahawa negara ini mempunyai cita-cita yang tinggi dan azam yang kuat untuk memastikan jenayah pemerdagangan orang dapat dibendung dan dibanteras bagi meningkatkan kredibiliti dan integriti negara.

DATO' SRI MAHMOOD ADAM
Pengerusi,
Majlis Antipemerdagangan Orang

COUNCIL FOR ANTI-TRAFFICKING IN PERSONS
NATIONAL ACTION PLAN AGAINST TRAFFICKING IN PERSONS
(2010-2015): COUNCIL MEMBERS SIGN OFF

I hereby affirm my support to fulfilling the efforts of the Council for Anti-Trafficking in Persons to combat trafficking in persons, and endorse the National Action Plan Against Trafficking in Persons (2010-2015). I also hereby pledge the commitment of my Ministry/Agency/Organisation to achieve the objective and targets as underline in the National Action Plan Against Trafficking in Persons (2010-2015)



Dato' Sri Mahmoed bin Adam
 Secretary General, Ministry of Home Affairs
 (Chairman)



Tan Sri Rastam Mohd. Isa
 Secretary General
 Ministry of Foreign Affairs




Datuk Nor Hayati Sulaiman
 Secretary General
 Ministry of Women, Family and
 Community Development




Dato' R. Segarajah
 Secretary General
 Ministry of Human Resources



Dato' Long See Wooi
 Secretary General
 Ministry of Transport




Dato' Wira Kamaruddin Staraf
 Secretary General
 Ministry of Information
 Communication and Culture




Tan Sri Abdul Sani Patail
 Attorney General
 Attorney General's Chambers



Tan Sri Musa Tan Sri Dato' Hj. Hassan
 Inspector General
 Royal Malaysia Police



Dato' Abdul Rahman Othman
 Director General
 Immigration Department of
 Malaysia



Dato' Sri Hj. Ibrahim Hj. Jaapar
 Director General
 Royal Malaysian Customs
 Department



Admiral Datuk Mohd Amdan Kurish
 Director General
 Malaysia Maritime Enforcement Agency



Datuk Dr. Raj Abdul Karim
 Commissioner
 Human Rights Commission of
 Malaysia
 (SUHAKAM)



Prof Dr. Azidah Kassim
 Principal Research Fellow
 Institute of Malaysian &
 International
 Studies (IKMAS)



Puan Faridah Khalid
 Deputy President
 National Council of Women's
 Organisations
 (NCWO)

ISI KANDUNGAN

Sekapur Sireh Menteri Dalam Negeri	(iii)
Seulas Pinang Pengerusi Majlis Antipemerdagangan Orang	(v)
1. PENDAHULUAN	
Latar belakang	1
2. Objektif Pelan Tindakan Kebangsaan	2
3. Majlis Bagi Antipemerdagangan Orang	
Penubuhan dan Keahlian	3
Peranan dan Fungsi	4
4. VISI	6
5. PRINSIP-PRINSIP PANDUAN	
Tanggungjawab Kerajaan	7
Penyertaan Masyarakat Sipil	7
Layanan Terhadap Mangsa Berdasarkan Hak Asasi Manusia	7
Kordinasi Di Kalangan Pelbagai Agensi Di peringkat Kerajaan dan Pertubuhan-pertubuhan Antarabangsa serta Badan-badan bukan Kerajaan (NGOs)	8
Penilaian Sistem dan Ketahanan	8
6. MATLAMAT STRATEGIK	9
7. BIDANG-BIDANG PROGRAM	10
8. TEMPOH MASA	15
9. PENUTUP	16

PENDAHULUAN

Latar belakang

Masalah pemerdagangan orang telah mendapat perhatian global sebagai jenayah rentas sempadan yang serius sama seperti jenayah penyeludupan senjata dan dadah. Dianggarkan bahawa keuntungan daripada jenayah pemerdagangan orang adalah berjumlah USD38 bilion setahun. Susulan daripada keuntungan yang besar hasil daripada kegiatan tidak bermoral ini, sebilangan besar mangsa jenayah ini terutamanya wanita dan kanak-kanak telah dirampas maruah, kebebasan dan hak asasi manusia mereka.

Terdapat banyak faktor yang menyumbang kepada jenayah pemerdagangan orang. Di antaranya ialah kemiskinan, buta huruf, krisis ekonomi, konflik domestik dan serantau, ketidakstabilan politik dan terpinggir (**displacement**). Aspek migrasi juga berkait rapat dengan jenayah pemerdagangan orang. Sehubungan itu, aspek ini perlu diberikan perhatian kerana jumlah migrasi kian meningkat dan dianggarkan jumlah migrasi di peringkat global berjumlah 240 juta orang. Migrasi menjurus kepada isu pemerdagangan buruh kerana dieksploitasi oleh individu dan sindiket tidak bertanggungjawab.

Berdasarkan kepada latar belakang ini, Kerajaan Malaysia menyedari kepentingan untuk mewujudkan Akta Antipemerdagangan Orang 2007 [Akta 670] dan Pelan Tindakan Kebangsaan sebagai instrumen bagi menangani jenayah ini terutamanya yang menyentuh mengenai bidang pencegahan, pemulihan dan perlindungan mangsa pemerdagangan orang termasuk pendakwaan.

Sumber rujukan utama dalam mewujudkan Akta Antipemerdagangan Orang 2007 adalah berdasarkan kepada instrumen-instrumen antarabangsa iaitu ***Protocol to Prevent, Suppress and Punish Trafficking in Persons, especially Women and Children (TIP Protocol)*** dan ***Protocol Against the Smuggling of Migrants by Land, Sea and Air***. Kedua-dua protocol ini adalah instrumen yang menyokong ***United Nations Convention Against Transnational Organized Crime (UNTOC)***. Malaysia telah menandatangani dan meratifikasi Konvensyen ini dan menyertai TIP Protocol.

Selain daripada Akta ini, lain-lain perundangan domestik yang menyokongnya ialah Akta Imigresen 1959/63 [Akta 155], Akta Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia 2004 [Akta 633], Akta Kastam 1967 [Akta 235], Akta

Keterangan 1950 [Akta 56], Akta Mahkamah Kehakiman 1964 [Akta 91], Akta Kanak-Kanak 2001 [Akta 611], Penal Kod [Akta 574], Akta Kediaman Terhad 1933 [Akta 377] dan Ordinan Darurat 5/69.

Di samping itu, inisiatif Malaysia untuk membanteras jenayah pemerdagangan orang juga adalah selaras dengan ***ASEAN Declaration against Trafficking in Persons Particularly Women and Children, United Nations Declaration on Human Rights [UDHR] 1949, Convention of the Elimination of All Forms Discrimination against Women [CEDAW] 1979*** dan ***Convention on the Rights of the Child [CRC] 1989***.

Objektif Pelan Tindakan Kebangsaan

Pelan Tindakan Kebangsaan telah dirangka untuk menentukan secara jelas hala tuju dan fokus di dalam mencapai matlamat nasional untuk mencegah dan membanteras masalah pemerdagangan orang.


Pelan Tindakan Kebangsaan menggariskan objektif-objektif berikut:

- (a) menentukan hala tuju strategik untuk tempoh lima tahun;
- (b) matlamat strategik yang akan memandu dan memacu usaha-usaha nasional untuk membanteras jenayah pemerdagangan orang; dan
- (c) bidang-bidang program untuk menyokong dan memastikan keberkesanan pelaksanaan matlamat strategik.

MAJLIS BAGI ANTIPEMERDAGANGAN ORANG

Penubuhan dan Keahlian

Bahagian II Akta Antipemerdagangan Orang 2007 memperuntukkan penubuhan sebuah Majlis Bagi Antipemerdagangan Orang di samping menggariskan peranan dan fungsi Majlis tersebut. Carta di bawah menjelaskan struktur Majlis tersebut:



Peranan dan Fungsi

1. Merumus dan menyelia pelaksanaan pelan tindakan kebangsaan mengenai pencegahan dan pambanterasan pemerdagangan orang termasuklah bantuan dan perlindungan kepada orang yang diperdagangkan;
2. Membuat syor kepada Menteri tentang segala aspek pencegahan dan pambanterasan pemerdagangan orang;
3. Mengawasi corak imigrasi dan emigrasi di Malaysia bagi bukti pemerdagangan dan mendapatkan respons segera agensi atau badan Kerajaan yang berkaitan, dan pertubuhan bukan Kerajaan tentang masalah pemerdagangan orang yang dibawa kepada perhatian mereka;
4. Menyelaraskan perumusan dasar dan mengawasi pelaksanaannya ke atas isu-isu pemerdagangan orang yang berkaitan dengan agensi atau badan Kerajaan dan pertubuhan bukan Kerajaan yang berkaitan;
5. Merumuskan dan menyelaraskan langkah-langkah untuk mendidik dan memberi kesedaran kepada orang awam, termasuk orang-orang yang berkemungkinan diperdagangkan, tentang sebab dan akibat pemerdagangan orang;
6. Bekerjasama dan menyelaraskan dengan badan antarabangsa dan badan atau jawatankuasa serantau lain yang serupa berhubung dengan masalah dan isu pemerdagangan orang termasuk bantuan dan perlindungan kepada orang yang diperdagangkan;
7. Menasihati Kerajaan mengenai isu pemerdagangan orang termasuk perkembangan di peringkat antarabangsa terhadap perbuatan pemerdagangan orang;
8. Mengumpul dan mengumpul semak data dan maklumat, dan memberi kuasa bagi penyelidikan, berhubung dengan pencegahan dan pambanterasan pemerdagangan orang; dan
9. Melaksanakan apa-apa fungsi lain sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri bagi pelaksanaan Akta ini dengan sewajarnya.

Majlis bagi Antipemerdagangan Orang bersidang setiap bulan bagi menangani isu-isu polisi dan operasi. Mesyuarat tersebut membolehkan koordinasi dan interaksi antara Jawatankuasa-jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah Majlis.

VISI

Visi Pelan Tindakan Kebangsaan melambangkan komitmen nasional secara kolektif untuk membanteras jenayah pemerdagangan orang selaras dengan konsep gagasan "1Malaysia" yang dilaungkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri.

"1Malaysia komited secara kolektif untuk membanteras jenayah pemerdagangan orang".

PRINSIP-PRINSIP PANDUAN

Lima prinsip telah dikenal pasti sebagai panduan utama di dalam Pelan Tindakan Kebangsaan seperti digariskan di bawah:

1. Tanggungjawab Kerajaan

Kerajaan Malaysia mempunyai komitmen yang serius dan meletakkan isu ini sebagai salah satu agenda utama negara dalam menangani masalah pemerdagangan orang. Ini dapat dilihat daripada kewujudan Akta Antipemerdagangan Orang 2007 [Akta 670] dan Pelan Tindakan Kebangsaan serta Majlis bagi Antipemerdagangan Orang untuk memastikan keberkesanan langkah-langkah yang diambil untuk membanteras jenayah ini selaras dengan instrumen-instrumen antarabangsa yang berkaitan di samping memelihara prinsip-prinsip hak asasi manusia. Secara strategiknya, pendekatan secara holistik ini akan turut merangkumi hubungan di peringkat nasional, serantau dan antarabangsa.

2. Penyertaan Masyarakat Sipil

Memandangkan masalah pemerdagangan orang adalah merupakan satu isu yang baru di Malaysia, orang ramai termasuk agensi-agensi Kerajaan, pihak swasta dan badan-badan bukan Kerajaan (NGOs) tidak begitu menyedari bahaya jenayah ini dan implikasinya kepada keselamatan negara dan hak asasi manusia. Sehubungan dengan itu, program-program kesedaran awam perlu dilancarkan dan maklumat disebarikan seluas mungkin melalui pelbagai bentuk komunikasi. Usaha-usaha untuk mencegah dan membanteras jenayah ini memerlukan kerjasama dan sokongan semua sektor termasuk penyertaan masyarakat umum. Adalah juga penting untuk program kesedaran tersebut dikoordinasi serta mengambil pendekatan pelbagai sektor yang melibatkan agensi-agensi Kerajaan, badan-badan bukan Kerajaan (NGOs), pertubuhan-pertubuhan antarabangsa dan kumpulan-kumpulan komuniti supaya tindak balas secara kolektif dan positif dapat diperolehi.

3. Layanan Terhadap Mangsa Berdasarkan Hak Asasi Manusia

Kualiti perlindungan dan pemulihan boleh dipertingkatkan dengan mempromosikan hak-hak asasi manusia selaras dengan standard antarabangsa di semua peringkat tanpa mengira gender, umur dan

agama mangsa-mangsa tersebut. Dalam memperkasakan usaha-usaha ke arah memperbaiki tahap perlindungan dan pemulihan mangsa, kerjasama dengan badan-badan bukan Kerajaan (NGOs) akan dipertingkatkan.

4. Koordinasi di kalangan Pelbagai Agensi di Peringkat Kerajaan dan dengan Pertubuhan-pertubuhan antarabangsa serta Badan-badan bukan Kerajaan (NGOs)

Adalah penting untuk menjalin hubungan kerjasama dan koordinasi yang rapat di kalangan Kementerian-kementerian dan agensi-agensi yang berkaitan termasuk Kerajaan-kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan untuk mencapai keputusan positif dalam menangani masalah pemerdagangan orang. Di samping itu, hubungan rapat dan interaksi antara badan-badan bukan Kerajaan (NGOs), pihak swasta dan pihak-pihak yang berkaitan termasuk pertubuhan-pertubuhan antarabangsa adalah juga penting.

5. Penilaian Sistemik dan Ketahanan

Di dalam memastikan ketahanan langkah-langkah yang telah digariskan, parameter yang spesifik dan penilaian yang sistematik adalah penting untuk mengukur keberkesanan inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan.

MATLAMAT STRATEGIK

Sembilan (9) matlamat strategik utama telah dikenal pasti untuk merealisasikan visi nasional di dalam membanteras jenayah pemerdagangan orang serta memastikan keberkesanan pelaksanaan Pelan Tindakan Kebangsaan.

1. Mempertingkatkan tindakan terhadap jenayah pemerdagangan orang dengan memperkukuhkan kerangka perundangan;
2. Melaksanakan tindakan bersepadu di kalangan agensi-agensipenguatkuasaan;
3. Meningkatkan tahap kesedaran awam melalui penyaluran maklumat kepada masyarakat;
4. Memberikan perkhidmatan perlindungan dan pemulihan yang mematuhi standard antarabangsa;
5. Membanteras pemerdagangan buruh;
6. Merancang dan melaksana latihan secara bersepadu untuk melatih personel yang terlibat dalam melaksanakan Akta Anti pemerdagangan Orang 2007;
7. Membangunkan sistem pengurusan maklumat untuk agensi-agensi Kerajaan dalam menangani jenayah pemerdagangan orang;
8. Mengadakan kerjasama domestik dan antarabangsa; dan
9. Mempertingkatkan tadbir urus.

BIDANG-BIDANG PROGRAM

Sembilan (9) bidang-bidang program yang telah dikenal pasti akan menyokong sembilan (9) matlamat strategik yang telah digariskan di dalam Pelan Tindakan Kebangsaan.

Memperkukuhkan Mekanisme Perundangan

Keberkesanan pelaksanaan undang-undang yang telah dikuatkuasakan boleh dicapai dengan membuat kajian semula dan memperbaiki undang-undang terutamanya yang berkaitan dengan penyiasatan dan pendakwaan. Prosedur Operasi sedia ada boleh dikaji semula sekiranya dirasakan perlu untuk mempertingkatkan tahap siasatan, perlindungan dan pendakwaan selaras dengan kehendak semasa. Adalah diharapkan dengan menyenaraikan jenayah pemerdagangan orang di dalam Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 [Akta 613], ianya akan dapat mencegah daripada berlakunya jenayah ini.

Tindakan Bersepadu di Kalangan Agensi-agensi Penguatkuasaan

Pelaksanaan tindakan bersepadu di kalangan agensi-agensi penguatkuasaan terutamanya yang melibatkan pertukaran maklumat, kawalan di pintu- pintu masuk negara, pencegahan, penyiasatan dan pendakwaan adalah bagi memastikan mangsa-mangsa pemerdagangan orang diberikan perlindungan sewajarnya manakala mereka yang melakukan jenayah ini diberikan hukuman setimpal. Pelaksanaan tindakan bersepadu ini akan memberikan fokus kepada koordinasi semasa melakukan operasi, aktiviti-aktiviti serbuan rambang dan penggunaan peralatan dan logistik yang moden seperti kamera litar tertutup (CCTV) untuk mengesan jenayah pemerdagangan orang.

Agensi-agensi penguatkuasaan juga perlu menyediakan sistem yang mudah bagi membolehkan orang ramai membuat laporan tentang jenayah ini dengan cepat. Sistem laporan dan perkhidmatan talian "hotline" perlu bersifat mesra pelanggan dan efisien. Data dan maklumat yang bersepadu termasuk statistik dan laporan perlu sentiasa dikemukakan kepada Majlis bagi Anti Pemerdagangan Orang oleh agensi-agensi penguatkuasaan.

Kesedaran Awam dan Pencegahan

Salah satu daripada strategi utama untuk mencegah dan membanteras jenayah pemerdagangan orang ialah dengan mengadakan program kesedaran awam untuk mewujudkan masyarakat yang maklum, bertanggungjawab dan responsif mengenai jenayah ini. Program kesedaran awam secara besar-besaran akan dilaksanakan dengan menggunakan pelbagai bentuk komunikasi untuk memberi kesedaran dan mendidik orang ramai mengenai bahaya jenayah pemerdagangan orang termasuk implikasinya kepada hak asasi manusia dan keselamatan negara. Sumbangan orang ramai dalam membanteras jenayah ini akan turut ditekankan. Selain daripada itu, kempen kesedaran awam tersebut adalah juga untuk memaklumkan kepada orang ramai dan agensi-agensi Kerajaan mengenai Akta Antipemerdagangan Orang 2007 [Akta 670], aspek hak asasi manusia serta perlindungan kepada mangsa dan hukuman kepada penjenayah.

Bina upaya serta usaha mendapatkan sokongan ketua-ketua komuniti dalam membentuk pandangan dan tindakan umum yang selaras dengan komitmen dan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk membanteras jenayah ini akan turut dilaksanakan. Adalah penting bagi program-program kesedaran dan pencegahan dilaksanakan secara berkoordinasi dalam memastikan pelaksanaan yang lebih berkesan. Maklumat-maklumat akan disalurkan kepada masyarakat terutamanya kepada golongan lelaki, majikan dan agensi-agensi pelancongan bagi mengurangkan permintaan yang boleh menjurus kepada berlakunya jenayah pemerdagangan orang.

Perlindungan dan Pemulihan

Adalah perlu bagi menyediakan tempat perlindungan dan kemudahan-kemudahan asas lain yang mematuhi standard minima antarabangsa. Kemudahan asas dan keperluan perlu disediakan untuk keselesaan mangsa-mangsa jenayah ini supaya mereka merasa selamat dan terkawal.

Penyediaan pusat pemulihan yang mempunyai perkhidmatan yang berdasarkan kepada amalan-amalan terbaik adalah signifikan untuk membantu mental dan emosi mangsa-mangsa tersebut semasa proses pemulihan. Sehubungan itu, mangsa-mangsa berkenaan akan berada di dalam keadaan yang tenang dan bersedia untuk membantu dari aspek siasatan dan pendakwaan.

Dalam memastikan keberkesanan proses pemulihan kepada mangsa, adalah perlu untuk mengadakan kerjasama dengan badan-badan bukan Kerajaan (NGOs) bagi tujuan latihan dan bina upaya berkaitan dengan aspek kemahiran menjana pendapatan, pendidikan dan aktiviti-aktiviti rekreasi mangsa. Selain daripada itu, kerjasama dengan badan-badan bukan Kerajaan (NGOs), perwakilan diplomatik asing dan pihak-pihak berkuasa yang berkaitan adalah penting untuk memastikan mangsa-mangsa tersebut dapat dihantar pulang secara selamat ke negara asal bagi mengelakkan mereka diperdagangkan semula.

Membanteras Pemerdagangan Buruh

Keamanan, kemakmuran dan pembangunan pesat ekonomi negara telah menarik minat warga asing di mana majoriti daripada mereka mencari peluang pekerjaan terutamanya daripada negara-negara yang mengalami ketidakstabilan politik dan ekonomi. Pada masa yang sama, Malaysia turut memerlukan tenaga kerja warga asing di sektor-sektor tertentu seperti perkhidmatan, perladangan, perindustrian, pembangunan dan pembuatan.

Pada masa kini, dianggarkan bahawa jumlah pekerja warga asing di negara ini adalah seramai 1.9 juta orang. Kebanjiran pekerja-pekerja warga asing di negara ini adalah salah satu faktor penyumbang kepada berlakunya jenayah pemerdagangan orang. Dengan adanya Akta Anti Pemerdagangan Orang 2007 [Akta 670] serta disokong oleh Akta Kerja 1955 [Akta 265] dan perundangan buruh yang lain, ianya akan dapat membantu untuk menangani isu eksploitasi buruh.

Sebagai langkah untuk mengawal selia pengambilan tenaga kerja asing, Kerajaan Malaysia telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan sekurang-kurangnya 7 negara sumber termasuk satu MoU spesifik mengenai pengambilan dan penempatan pembantu rumah. Kesemua MoU ini adalah bertujuan untuk kebaikan majikan dan pekerja.

Selain daripada itu, Jawatankuasa Khas mengenai Pemerdagangan Buruh di bawah Majlis bagi Antipemerdagangan Orang bertanggungjawab secara spesifik untuk menangani isu pemerdagangan orang.

Bina Upaya

Bina upaya adalah elemen yang perlu di dalam memastikan personel kesemua agensi-agensi dan badan-badan bukan Kerajaan (NGOs) yang terlibat di dalam usaha membanteras jenayah pemerdagangan orang mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang berkaitan terutamanya di bidang polisi, pencegahan, perlindungan, pemulihan dan pendakwaan.

Jalinan kerjasama strategik dengan rakan-rakan luar adalah penting di dalam berkongsi pengetahuan dan pengalaman dengan pakar-pakar yang berkaitan mengenai program pembangunan profesional untuk kesemua personel yang terlibat dalam menangani jenayah ini.

Pengurusan Maklumat

Pemerdagangan orang adalah satu jenayah kompleks yang sering melibatkan sindiket-sindiket jenayah yang beroperasi secara teratur dan mempunyai jalinan rangkaian yang luas. Sehubungan itu, pengurusan maklumat secara sistematik dan berkesan adalah penting dalam memastikan agensi-agensi berkaitan dapat bertindak secara bersepadu dan berkoordinasi. Maklumat-maklumat yang berkaitan juga dapat disalurkan kepada orang ramai bagi tujuan kesedaran.

Pengurusan sistem maklumat akan membolehkan agensi-agensi Kerajaan mengumpul maklumat terkini, pantas dan boleh dipercayai bagi tujuan perkongsian maklumat risikan.

Kerjasama Pintar

Kerajaan Malaysia sedang bekerjasama dengan pihak-pihak berkaitan seperti badan-badan bukan Kerajaan (NGOs), masyarakat sivil, pihak swasta dan orang awam untuk menangani jenayah pemerdagangan orang.

Kerjasama dua hala dan pelbagai hala di peringkat serantau dan antarabangsa di antara Kerajaan Malaysia dengan rakan-rakan strategik termasuk pertubuhan-pertubuhan antarabangsa akan dipertingkatkan dalam menangani masalah pemerdagangan orang. Kerjasama ini antaranya akan meliputi aspek perkongsian risikan, perundangan, ekstradisi, bina upaya dan kesedaran awam.

Mengukur Prestasi dan Ketahanan

Instrumen untuk mengukur keberkesanan bidang-bidang program dan aktiviti-aktiviti yang digariskan oleh Pelan Tindakan Kebangsaan akan dinilai berdasarkan kepada Indeks Petunjuk Prestasi dan Indeks Pencapaian Prestasi. Kedua-dua indikator ini akan memastikan keberkesanan pengukuran dan pemantauan pencapaian keseluruhan.

TEMPOH MASA

Pelan Tindakan Nasional adalah untuk jangka masa lima tahun. Bagi jangka masa pendek (1 hingga 2 tahun), tumpuan akan diberikan kepada mempertingkatkan kerjasama di kalangan agensi-agensi Kerajaan dan juga dengan pihak yang berkaitan, mengadakan program-program bina upaya termasuk latihan untuk pengajar/pakar, mengadakan program-program kesedaran awam serta mewujudkan kerjasama strategik di peringkat serantau dan antarabangsa. Manakala, bagi jangka masa sederhana (3 hingga 4 tahun), fokus adalah kepada menguruskan pengurangan pekerja-pekerja warga asing dan memperkukuhkan perundangan domestik bagi menyokong Akta Antipemerdagangan Orang 2007 dalam mencegah jenayah pemerdagangan orang. Program jangka masa panjang pula adalah untuk meneruskan program-program jangka masa pendek dan sederhana, mengurangkan kadar kes jenayah pemerdagangan orang dan melahirkan personel yang berkemahiran serta berpengetahuan mengenai jenayah ini terutamanya yang berkait dengan polisi, pencegahan, perlindungan dan pemulihan termasuk pendakwaan.

PENUTUP

Pelan Tindakan Kebangsaan adalah sebuah dokumen awam untuk memaklumkan kepada orang ramai akan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Malaysia untuk membanteras jenayah pemerdagangan orang. Pelan Tindakan Kebangsaan yang menyokong Akta Antipemerdagangan Orang 2007 [Akta 670] melambangkan usaha-usaha kolektif nasional untuk menangani masalah ini yang melibatkan penyertaan Kerajaan, masyarakat sivil, pihak swasta, badan-badan bukan Kerajaan (NGOs) dan masyarakat umum. Pelan ini juga menjelaskan mengenai prinsip-prinsip panduan, matlamat-matlamat strategik dan bidang-bidang program yang akan menentukan hala tuju untuk tempoh lima (5) tahun akan datang.

Pelan Tindakan Kebangsaan menekankan kepada pentingnya kerjasama pintar di semua peringkat di mana ianya memerlukan penyertaan daripada pihak-pihak berkepentingan yang berkaitan. Selain daripada itu, pendekatan secara komprehensif dan bersepadu di kalangan agensi-agensi Kerajaan adalah kritikal untuk menangani jenayah ini secara berkesan. Jenayah Pemerdagangan Orang adalah fenomena global yang melibatkan sindiket-sindiket jenayah rentas sempadan. Sehubungan itu, kerjasama di peringkat nasional, serantau dan antarabangsa adalah diperlukan untuk membanteras jenayah ini.

Akhir kata, bagi memastikan Pelan Tindakan Kebangsaan dapat dilaksanakan secara konsisten dan dengan jayanya maka Indeks Petunjuk Prestasi dan Indeks Pencapaian Prestasi akan bertindak sebagai instrumen untuk memantau keseluruhan pencapaian bidang-bidang program yang telah digariskan.



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
KUALA LUMPUR, 2010
www.printnasional.com.my
email: cservice@printnasional.com.my Tel.:
03-92366895 Faks: 03-92224773

